

14 JAN 1996

Muhammad - Kualiti

UMNO SELANGOR BINA PUSAT TINGKATKAN KUALITI ANGGOTA

SHAH ALAM, 14 Jan (Bernama) -- Umno Selangor akan menubuhkan sebuah pusat latihan yang akan berperanan melatih anggota-anggota parti meningkatkan kualiti diri selaras dengan cabaran semasa dan matlamat Malaysia menjadi negara maju, kata Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Beliau berkata latihan peningkatan kualiti diri bagi setiap peringkat anggota parti penting bagi memastikan Umno terus kukuh sebagai benteng kekuatan negara.

"Tanpa kualiti diri, sesebuah organisasi kerja seperti Umno tidak akan berupaya mencapai matlamat perjuangannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Umno Selangor di sini hari ini.

Ketika berucap sebelum itu, beliau berkata semua masalah yang dihadapi Umno merupakan manifestasi kualiti diri setiap anggotanya sekarang dan bukannya kerana peraturan perlembagaan parti atau sistem yang dipakai selama ini lemah atau salah.

"Kalau sistem yang digunakan selama ini salah atau lemah, kenapa masalah yang kita hadapi hari ini tidak begitu kita dengari sebelum ini," katanya, sambil memberi contoh politik wang yang menjadi-jadi tidak lama dulu, yang tidak pula berlaku 20 atau 30 tahun yang lampau.

Muhammad berkata lantaran itu kualiti diri setiap anggota perlu diperbaiki, matlamat perjuangan parti diperjelaskan dan falsafah Umno dihayati dengan penuh keikhlasan oleh setiap anggota parti.

Beliau berkata jika semua anggota memahami matlamat perjuangan Umno, tentulah mereka akan mengetepikan perkara sampingan dan masalah kecil yang tidak menjejaskan pencapaian matlamat perjuangan.

Seminar sehari itu dihadiri oleh 20 perwakilan dari setiap bahagian Umno di Selangor, Pergerakan Pemuda dan Wanita Negeri serta veteran Umno.

Tumpuan perbincangan termasuk perkara mengenai yuran keanggotaan, 10 undi bonus bagi pencalonan Presiden dan Timbalan Presiden, kelayakan bertanding seseorang anggota parti, politik wang, disiplin parti, jangka masa pemilihan parti dan penyelesaian masalah dalaman parti.

Resolusi seminar itu akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Sementara Umno yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. --
BERNAMA